

Semarak bulan Ramadan dengan Majlis Tadarus



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus, Tahlil dan Doa Arwah sempena Bulan Ramadan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (kiri), sementara gambar kanan, sebahagian daripada warga Kementerian Pendidikan yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

MUKIM SENGKURONG, Sabtu, 3 Jun. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan dan mengharap kelebihannya, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum bersama Institut Pendidikan Teknikal Brunei hari ini meneruskan Majlis Tadarus, Tahlil dan Doa Arwah sempena Bulan Ramadan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Seperti lazimnya, rombongan dari Kementerian Pendidikan mengadakan

majlis tersebut di beberapa buah sekolah yang terpilih di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei Muara, majlis diadakan di Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh

tetamu kehormat dan seterusnya memulakan bacaan ayat suci Al-Quran bermula Juz 7 Surah Al-An'aam, ayat 1.

Selepas itu, bacaan Al-Quran disambung oleh pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta pelajar-pelajar PTE, Sengkurong.

Majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen Kampung Mulaut, Awang Asbinin bin Haji Zainal.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat turut menyampaikan

sumbangan penyerahan wakaf kepada Pengetua PTE, Sengkurong, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili.

Wakaf yang diserahkan adalah berupa kemudahan dan peralatan di bilik solat sekolah berkenaan, yang berupa 10 naskah Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 10 pasang telelung dan sebuah 'Portable P.A System', hasil sumbangan derma daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Timbalan

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; pengarah-pengarah; ketua-ketua unit; ketua-ketua bahagian dalam jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan.

Majlis merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan selain menyemarakkan bulan Ramadan dan mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan di bulan mulia ini.

Majlis seterusnya akan diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Lumut Daerah Belait pada 6 Jun 2017.

KHEU bertadarus di Masjid Kampung Sungai Bunga



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus di Masjid Kampung Sungai Bunga (kiri). Sementara gambar kanan dan bawah kanan, Ketua Hakim Syarie merangkap Ahli Majlis Ugama Islam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar menyampaikan agihan zakat wang tunai kepada ketua keluarga dan 105 orang yang terdiri daripada asnaf fakir miskin di kawasan Kampung Sungai Bunga.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Jun. - Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim.

Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Sempena Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengaturkan beberapa rombongan untuk sama-

sama bertadarus ke beberapa masjid di negara ini.

Sehubungan itu, rombongan KHEU telah mengadakan Majlis Tadarus di Masjid Kampung Sungai Bunga.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Pengiran Mohammad Fadzillah bin Pengiran Mahmud berserta Doa Allah Peliharakan Sultan.

Seterusnya bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Pengiran Mohammad Fadzillah bin Pengiran Mahmud berserta Doa Allah Peliharakan Sultan.

berkenaan yang disampaikan oleh Ketua Hakim Syarie merangkap Ahli Majlis Ugama Islam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Kemudian disusuli dengan Tadarus dan diikuti dengan bacaan Al-Quran, Surah Al-Maa'idah, ayat 83 hingga 89, secara Tarannum oleh Imam Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal, Awang Haji Ramli bin Haji Ladis, manakala tafsiran ayat dibacakan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

Seterusnya bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Pengiran Mohammad Fadzillah bin Pengiran Mahmud berserta Doa Allah Peliharakan Sultan.

Rombongan KHEU bersungkai bersama-sama jemaah masjid dan seterusnya menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

